

Topik 13: 2300 Hari Jangka Hayat Persia, Yunani, dan Roma dan Mencapai sehingga Penghakiman

Penglihatan kedua Daniel menjelaskan tentang peperangan diantara Persia, Grecia dan Roma. Ia memberi ilustrasi mengenai pekerjaan paus- paus yang menganiaya umat setia Allah. Selepas Daniel melihat semua ini, dia melihat ada dua orang kudus berkata- kata antara satu sama lain dalam penglihatannya.

Kemudian kudengar seorang kudus berbicara, dan seorang kudus lain berkata kepada yang berbicara itu: "sampai berapa lama berlaku penglihatan ini, yakni korban sehari- hari dan kefasikan yang membinasakan, tempat kudus yang diserahkan dan bala tentera yang diinjak- injak?" (Daniel 8:13)

Dalam erti kata lain, ucapan itu bermaksud "berapa lama lagi kerajaan yang terakhir (Roma) itu berkuasa dan membuat kejahatan?"

Jawapan yang diberikan adalah sama seperti yang terdapat di dalam nubuatan Daniel yang lain. Hari digunakan untuk melambangkan tahun. Disebabkan itulah kita lihat bahawa kebangkitan dan kejatuhan tiga empayar itu seperti berlaku dalam masa enam tahun sahaja.

Maka ia menjawab: "sampai lewat dua ribu tiga ratus petang dan pagi, lalu tempat kudus itu akan dibersihkan."(Daniel 8:14)

Mungkin anda sudah mendapat idea mengenai hari yang dimaksudkan ini. Akan tetapi, selepas malaikat itu menjelaskan kepada Daniel akan penglihatan itu, dia tidak mengerti akan point utama: Bilakah 2300 tahun itu bermula? Daniel memerlukan lebih banyak lagi penjelasan mengenai nubuatan ini dari malaikat Allah.

Malaikat Gabriel [Jibrīl] diarahkan untuk memberi penjelasan kepada Daniel dan malaikat itu melaksanakan tugasnya dengan sempurna.

Dan aku mendengar dari tengah sungai Ulai itu suara manusia yang berseru : "Gabriel, buatlah orang ini memahami penglihatan itu."(Daniel 8:16)

Persoalannya ialah, mengapa Daniel masih tidak memahaminya? Alasannya sangat senang. Ini kerana Daniel telah pengsan dan sakit selama beberapa hari semasa penjelasan itu diberikan.

Maka aku Daniel, lelah dan jatuh sakit beberapa hari lamanya; kemudian bangunlah aku dan melakukan pula urusan raja. Dan aku tercengang- cengang tentang penglihatan itu, tetapi tidak memahaminya. (Daniel 8:27)

Syukur, malaikat Gabriel [Jibrīl] tidak berputus asa untuk membantu Daniel memahami penglihatan itu. Apabila Daniel berdoa dan berpuasa untuk meminta supaya Allah merahmati dia, (kamu boleh membaca sendiri kisah ini di dalam buku Daniel bahagian 9) malaikat Gabriel datang kepadanya untuk memberi penjelasan kepadanya. Dalam siri yang seterusnya, kita akan mempelajari apakah yang dikatakan oleh Gabriel dalam cerita yang kedua mengenai masa (2300 tahun) nubuatan itu.

Tetapi sekarang mari kita lihat apakah yang membuatkan Daniel jatuh sakit. Dia sedar bahawa sekarang kaabah suci memerlukan masa lebih dari dua ribu tahun untuk dibersihkan. Dia juga mengetahui bahawa nubuatan itu berkaitan dengan akhir zaman kerana malaikat ada mengatakan bahawa masa itu dipanjangkan sehingga masa hadapan.

Dan penglihatan akan petang dan pagi itu, apa yang dikatakan tentang perkara itu adalah benar, materaikanlah penglihatan itu sebab nubuatan itu akan digenapi pada masa waktu akan datang (Daniel 8:26)

Daniel sebenarnya tidak memahami akan pelan keselamatan Allah dari hukuman dosa dunia. Daniel juga tidak memahami masa yang telah diberikan untuk pelan ini. Dia tertanya- tanya, bilakah 2300 hari itu akan bermula?

Daniel juga tidak memahami pelan Allah dimana Dia akan memberikan berkat yang telah dia janjikan kepada Abraham kepada semua orang di dunia ini.

Kita akan mempelajari tiga benda yang tidak difahami oleh Daniel ini pada bab yang seterusnya. Apabila kita sudah memahaminya, marilah kita bersedia untuk menghadapi masa akhir zaman.